

BILANGAN 17 HAFAL ATAU HAFAZ



Masjid Kampung Siglap akan menganjurkan seminar tahfiz, esok, dalam usaha menyemarakkan **penghafalan** Quran di sini.

Ramai orang menyangka bahawa perkataan **hafal** tidak wujud lagi dengan berdasarkan 'orang yang menghafaz' itu disebut hafiz, bukan hafil.

Di dalam Kamus Dewan terbaru (edisi keempat, 2005), kedua-dua perkataan tersebut tersenarai di dalamnya, dengan catatan pengertian yang serupa. Begitu juga dengan penghafalan dan tahfiz.

Jadi, perkataan **penghafalan** boleh sahaja bertukar ganti dengan **penghafazan**.